



Bersungguh-sungguh Dalam Berdoa

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ:
إِذَا دَعَا أَحَدُكُمْ فَلَا يَقُلْ: اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِيْ شَيْءًا، وَلَكِنْ لِيَعْزِمِ الْمَسْأَلَةَ
وَلِيُعْظِمِ الرَّغْبَةَ، فَإِنَّ اللَّهَ لَا يَتَعَاطَمُهُ شَيْءٌ أَعْطَاهُ

Daripada Abu Hurairah, bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

Jika seseorang kamu berdoa, maka janganlah berkata: Ya Allah ampunilah daku jika Engkau kehendaki, akan tetapi hendaklah dia bersungguh-sungguh dalam meminta dan besarkanlah pengharapan (agar diperkenan doanya), kerana bukanlah sesuatu permintaan itu perkara yang besar bagi Allah untuk mengurniakan pemberian-Nya."

(Hadis Riwayat Muslim, no. 2679)

<https://muftinegi.sarawak.gov.my> +60 82-507500

Bersungguh-sungguh Dalam Berdoa

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: إِذَا دَعَا أَحَدُكُمْ فَلَا يَقُلْ: اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ
لِيْ إِن شِئْتَ، وَلَكِنْ لِيَعْزِمِ الْمَسْأَلَةَ وَلِيُعْظِمِ الرَّغْبَةَ، فَإِنَّ اللَّهَ لَا يَتَعَاطَمُهُ شَيْءٌ أَعْطَاهُ

Maksudnya: **Daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:**
Jika seseorang kamu berdoa, maka janganlah berkata: Ya Allah ampunilah daku jika Engkau kehendaki, akan tetapi hendaklah dia bersungguh-sungguh dalam meminta dan besarkanlah pengharapan (agar diperkenankan doanya) kerana bukanlah sesuatu permintaan itu perkara yang besar bagi Allah untuk mengurniakan pemberian-Nya

(Hadith Riwayat Muslim, no. 2679)

Allah Subhanahu wata'ala telah memerintahkan kepada setiap hamba-Nya untuk memohon atau berdoa jika mempunyai apa-apa hajat atau pada bila-bila masa sekalipun sebagaimana disebut di dalam al-Quran:

أَدْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ﴿٥٥﴾

Maksudnya: ***“Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang melampaui batas.”***

(Surah al-'Araf 1:55)

Maksud berdoa melampaui batas adalah dengan berdoa atau meminta kepada selain daripada Allah Subhanahu wata'ala atau memohon sesuatu yang tidak sepatutnya atau dengan tidak menurut undang-undang peraturan-Nya untuk memperolehi sesuatu.

Allah Subhanahu wata'ala juga berfirman:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ

Maksudnya: ***Tuhanmu berfirman, “Berdoalah kepada-Ku nescaya akan Aku perkenankan doa permohonanmu.”***

(Surah Ghafir 40:60)

Ayat ini merupakan perintah daripada Allah Subhanahu wata'ala supaya umat manusia sentiasa beribadat dan berdoa kepada-Nya demi kebaikan mereka di dunia dan di akhirat. Terdapat banyak hadith Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam menyebut kelebihan-kelebihan dan adab dalam berdoa kepada Allah Subhanahu wata'ala.

Daripada Nu'man bin Bashir, daripada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

الدُّعَاءُ هُوَ الْعِبَادَةُ، ثُمَّ قَرَأَ: وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي

سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ﴿٢٤٦﴾

Maksudnya: ***Doa merupakan ibadah kemudian baginda membaca: Tuhanmu berfirman, “Berdoalah kepada-Ku nescaya akan Aku perkenankan doa permohonanmu....”***

(Hadith Riwayat at-Tirmizi, no. 3372)

Seseorang hamba hendaklah terus berdoa dan merendahkan diri kepada Allah Subhanahu wata'ala dalam semua keadaan sama ada ketika senang atau susah, ketika lapang ataupun sempit. Seseorang hamba tidak seharusnya tergesa-gesa mengharapkan perkenan doanya atau berputus asa jika doanya belum dikabulkan, kerana mungkin terdapat hikmah dan kebaikan daripada Allah dalam penundaan untuk diperkenankan doa tersebut. Mungkin juga ada kebaikan dan manfaat bagi hamba tersebut tanpa dia sedari, maka hendaklah dia terus berdoa dan menyerahkan urusannya kepada Allah Subhanahu wata'ala.

Ketika kita meminta (berdoa) kepada Allah, maka pohonlah untuk mendapat kasih sayang, kesihatan, keberkatan dan pengharapan untuk mati dalam husnul khatimah daripada Allah Subhanahu wata'ala. Begitu juga perlu kita meminta atau bermunajat kepada-Nya dengan perkara-perkara yang mendatangkan keredhaan Allah 'azza wa jalla dari sudut ukhrawi dan duniawi.

Untuk memperoleh doa yang mustajab (diperkenankan), ada beberapa perkara perlu di ambil berat di antaranya ialah sentiasa makan dari sumber yang halal. Janganlah kita memasukkan di dalam perut daripada sesuatu yang telah diharamkan oleh Allah Subhanahu wata'ala.

Sebuah hadith yang panjang di dalam sahih muslim yang menceritakan tentang makan daripada makanan yang halal sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلُ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ: يَا رَبِّ يَا رَبِّ! وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ
وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغُذِيَ بِالْحَرَامِ، فَأَنَّى يُسْتَجَابَ لِذَلِكَ؟

Maksudnya: **Kemudian Baginda menceritakan tentang seorang lelaki yang berpemergian perjalanan yang jauh, kusut-masai dan berdebu rambutnya. Kemudian dia menadah kedua-dua tangannya ke langit dan berdoa, "Ya Tuhanku Ya Tuhanku!" sedangkan makan dan minumannya haram, pakaiannya haram dan dia diberi makan dengan perkara yang haram. Maka bagaimana mungkin doanya akan diterima?**

(Hadith Riwayat Muslim, no.1015)

Oleh sebab itu, kita harus menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang haram sebagaimana yang dinyatakan di dalam hadith di atas agar doa kita akan diperkenankan oleh Allah Subhanahu wata'ala. Ulama Salafus solih berkata:

Doa itu seperti kunci, gigi kunci itu terbentuk dari suapan makanan yang halal.

Sebagai penutup perkongsian ini, ketahuilah bahawa doa merupakan antara anugerah yang besar dikurniakan oleh Allah Subhanahu wata'ala ketika memerintahkan semua hamba-Nya untuk bersungguh-sungguh dalam berdoa. Bahkan, Allah Subhanahu wata'ala sangat murka kepada umat manusia yang tidak meminta (berdoa) kepada-Nya. Diriwayatkan dalam sebuah hadith daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu:

مَنْ لَمْ يَسْأَلِ اللَّهَ يَغْضَبْ عَلَيْهِ

Maksudnya: ***Siapa yang tidak meminta (berdoa) kepada Allah nescaya Allah akan murka padanya***

(Hadith Riwayat Tirmizi, no.3373)

Begitu juga, setiap hamba Allah Subhanahu wata'ala perlu untuk mendoakan dirinya sendiri dengan kebaikan dan keselamatan daripada kejahatan. Tidak lupa juga untuk mendoakan kedua-dua orang tuanya pada doa yang sama. Wallahu 'alam.

جَابِرُ مُفَتًى سَرَاوَقْ
JABATAN MUFTI SARAWAK